



Siaran Akhbar

KURSUS PENGUATKUASAAN JENAYAH SIBER PERKUKUH KAPASITI PENGUAT KUASA UNDANG-UNDANG NEGARA

CYBERJAYA, 25 Oktober 2025 – Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dengan kerjasama Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Lumpur hari ini melancarkan Kursus Penguatkuasaan Jenayah Siber sempena Majlis Penutupan Inter-Agency Retreat on Cyber Crimes 2025.

Pelancaran kursus tersebut disempurnakan oleh Menteri Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil, yang menzahirkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara menghadapi ancaman jenayah siber yang semakin kompleks dan merentas sempadan.

Pada tahun 2024, purata kos ketirisan data di rantau ini dianggarkan melebihi USD3 juta (kira-kira RM12.7 juta), manakala kerugian akibat penipuan di Asia mencecah USD688.4 bilion (sekitar RM2.91 trilion), dengan seorang daripada dua rakyat berdepan penipuan setiap bulan.

Di Malaysia, sejak tahun 2022, MCMC telah menyekat 2.2 bilion panggilan meragukan dan 2.2 bilion SMS tidak diminta, menamatkan 185,499 talian SMS mencurigakan, serta mengemukakan 12,001 permohonan penurunan kandungan penipuan pelaburan.

Justeru, kursus yang dibangunkan ini merupakan inisiatif strategik antara MCMC dengan PDRM yang bertujuan mempertingkatkan keupayaan pegawai penguat kuasa dalam aspek penyiasatan, pengumpulan bukti digital, pengurusan kes, serta pelaksanaan tindakan penguatkuasaan selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

Kursus ini merupakan kesinambungan kepada Perjanjian Persefahaman yang telah ditandatangani pada 11 Mac 2024, yang menumpukan kepada pembangunan kapasiti berkaitan siasatan dan penguatkuasaan.

Kerjasama antara MCMC dengan PDRM turut merangkumi Op Pedo 1 (Disember 2024), Op Pancing (September 2025) dan Op Pedo 2 (September 2025).

Kursus yang akan mula dilaksanakan pada tahun hadapan ini memberi fokus kepada modul latihan standard untuk pegawai penguat kuasa daripada agensi kerajaan, dengan penglibatan kepakaran pelbagai agensi keselamatan jenayah siber di peringkat nasional.

Inisiatif ini diharap dapat membentuk barisan penguat kuasa yang bersepadu dan responsif terhadap ancaman siber di negara ini.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

LAMPIRAN GAMBAR



MENTERI Komunikasi, YB Datuk Fahmi Fadzil (tengah) bersama-sama dengan Peguam Cara Negara, YBhg. Dato' Suzana Atan (kiri sekali); Peguam Negara, Tan Sri Mohd Dusuki Mokhtar (dua dari kiri); Ketua Polis Negara, IG Dato' Sri Mohd Khalid Ismail (dua dari kanan) dan Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din (kanan sekali) pada pelancaran Kursus Penguatkuasaan Jenayah Siber di Melaka.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: corporate.communications@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

